



## DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

---



---

Course Code & Name : **MPU2132 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1**  
 Trimester & Year : May - August 2019  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Tekst  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**  
**ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.**

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kita harus menjaga kebersihan diri. Kebersihan diri amat penting untuk kesihatan kita. Kita perlu membasuh tangan sebelum makan. Sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya juga perlu dibasuh sebelum dimasak. Selepas makan, kita mestilah membasuh bekas makanan. Makanan perlulah disimpan di tempat yang tertutup. Makanan kotor disukai oleh serangga atau haiwan seperti tikus, lalat, lipas dan semut.

1. Mengapakah kita harus menjaga kebersihan diri? **(2 markah)**
2. Bagaimanakah kita menjaga kebersihan? **(4 markah)**
3. Senaraikan nama serangga dan haiwan yang terdapat dalam petikan di atas. **(4 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Sheila tinggal di Bandar Mahkota Cheras. Dia mempunyai jiran bernama Fakrul Razi. Mereka bersekolah di Sekolah Menengah Cheras Perdana. Mereka belajar di kelas yang sama. Fakrul berumur 17 tahun. Pada waktu rehat, Sheila dan Fakrul pergi ke kantin bersama-sama untuk membeli makanan. Selepas makan, mereka pergi ke perpustakaan untuk meminjam buku. Pada waktu petang, mereka bermain badminton di gelanggang badminton. Fakrul bercita-cita untuk menjadi seorang pensyarah bahasa Melayu di universiti. Dia mahu menjadi seperti ayah dan ibunya. Ayahnya merupakan pensyarah bahasa Inggeris. Ibunya pula merupakan pensyarah Ekonomi. Fakrul anak tunggal tetapi sangat berdikari. Dia anak yang baik dan sangat menghormati ayah dan ibunya.

1. Siapakah nama jiran Sheila? **(2 markah)**
2. Berapakah umur Sheila? **(2 markah)**
3. Apakah yang dilakukan oleh mereka selepas makan? **(2 markah)**
4. Apakah pekerjaan ayah dan ibu jiran Sheila? **(2 markah)**
5. Nyatakan **DUA (2)** sikap positif jiran Sheila. **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)**

**a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah:**

- I. mendengar **(2 markah)**
- II. meminjam **(2 markah)**
- III. membaca **(2 markah)**
- IV. membuka **(2 markah)**
- V. menutup **(2 markah)**

**(10 markah)**

**b) Terjemahkan ayat-ayat yang berikut ke dalam bahasa Inggeris.**

1. Melina ada tiga orang kakak.
2. Ayah saya seorang guru.
3. Dia telah pergi ke Melaka minggu lepas.
4. Fatimah dilahirkan pada 9 September 1992.
5. Saya belajar bahasa Melayu di Kolej Universiti Berjaya.
6. Kawan baik saya bernama Muhammad Ali bin Kamarudin.
7. Setiap hujung minggu, saya akan pergi ke rumah nenek saya untuk melawatnya.
8. Dia tertidur di dalam kelas.
9. Saya mahu membeli pisang.
10. Harga kereta ini sangat mahal

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan sebuah cerita mengenai kawan baik anda.

**ATAU**

2. Anda telah pergi ke sebuah restoran untuk makan malam. Tulis dialog anda dengan pelayan tersebut.

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**